

Kicau

BULETIN

V E T E R I N A R

KELANTAN KUASAI SEKTOR TERNAKAN LEMBU HIBRID CECAH RM193 JUTA

Pemantauan berterusan elak
ASF terus merebak di
PULAU PINANG

TAKLIMAT SISTEM PEMANTAUAN
PENGRUSAN KOTORAN
TERNAKAN

INISIATIF BAGI MENANGANI KERINTANGAN
ANTIMIKROB
DALAM SEKTOR KESIHATAN HAIWAN



PRINSIP 5 KEBEBASAN HAIWAN

Keperluan persekitaran
yang bersesuaian

1

Keperluan
diet yang sesuai

2

Keperluan untuk mempamerkan
corak kelakuan yang semulajadi

3

Keperluan untuk ditempatkan
bersama atau berasingan

4

Keperluan untuk dilindungi
daripada kesakitan, penderitaan,
kecederaan dan penyakit

5



KANDUNGAN **Kicau** BULETIN

| Bil | Tajuk | Muka surat |
|-----|---|------------|
| 1 | KPPV MENYANTUNI PENTERNAK TERKESAN AKIBAT BANJIR | 4 |
| 2 | LEBIH KURANG 100 ORANG PENTERNAK YANG TERKESAN BANJIR DI BESUT | 4 |
| 3 | PENYERAHAN BANTUAN MAKANAN HAIWAN KESAYANGAN PASCA BANJIR | 5 |
| 4 | <i>PET PASSPORT</i> MENJAMIN KEBAJIKAN HAIWAN KESAYANGAN | 5 |
| 5 | TAKLIMAT STATUS TERKINI WABAK ASF DI PULAU PINANG | 6 |
| 6 | PEMANTAUAN BERTERUSAN ELAK ASF TERUS MEREBAK DI PULAU PINANG | 6 |
| 7 | SINGGAH SANTAI KETUA SETIAUSAHA MAFS KE PEJABAT KPPV | 7 |
| 8 | LAWATAN YB MENTERI KE LADANG PENTERNAKAN AYAM PEDAGINGHS GEMILANG SDN. BHD. | 7 |
| 9 | PERBINCANGAN KERJASAMA BERKAITAN INDUSTRI EKUIN | 7 |
| 10 | KUNJUNGAN HORMAT DUTCH LADY KE DVS | 8 |
| 11 | TERIMA KASIH DI ATAS JASA DAN BUDI YANG DICURAH | 8 |
| 12 | LAWATAN KERJA KSU MAFS KE LAPANGAN | 9 |



| | | |
|----|--|----|
| 13 | YBM - INPUT MENGENAI PENGELUARAN SUMBER PROTIEIN TERPENTING DI ZON UTARA | 10 |
| 14 | LAWATAN KERJA KSU MAFS KE PROJEK TERNAKAN LEMBU DI SELANGOR | 10 |
| 15 | MAJLIS AMANAT KP | 10 |
| 16 | LAWATAN KSU MAFS KE LADANG TERNAKAN KERBAU TENUSU TERBESAR DI MALAYSIA | 11 |
| 17 | LAWATAN KERJA YB MENTERI MAFS KE LOJI PEMROSESAN SARANG BURUNG WALET | 11 |
| 18 | PROGRAM <i>RETREAT</i> DVS TAHUN 2023 | 12 |
| 19 | LAWATAN KERJA RUMAH SEMBELIH TIP TOP MEAT SDN. BHD. | 12 |
| 20 | STRIVE | 13 |
| 21 | PENDEDAHAN KEPENTINGAN KAD PENGENALAN KUDA SERTA DAYA JEJAK KUDA | 14 |
| 22 | SESI PENERANGAN IMPORT PRODUK HAIWAN DAN DAGING KEPADA TIMBALAN KPKM | 14 |
| 23 | LAWATAN KERJA MENTERI KPKM KE PROJEK TERNAKAN LEMBU SADO | 15 |
| 24 | <i>MALYSIAN JURISPRUDENCE VETERINARY EXAMINATION</i> | 15 |
| 25 | RAKAMAN TEMUBUAL OLEH BULETIN UTAMA TV3 | 15 |
| 26 | MAJLIS KONVOKESYEN PERTANIAN KALI KE-11 TAHUN 2023 | 16 |
| 27 | PERBINCANGAN SITUASI TERKINI INDUSTRI SARANG BURUNG WALET DI MALAYSIA | 16 |
| 28 | <i>SUCCESS STORY</i> AFIZI STEAK SADO | 17 |
| 29 | <i>SUCCESS STORY</i> SAIFUL SAHRIL SAIDALI | 18 |
| 30 | TAKLIMAT SISTEM PEMANTAUAN PENGURUSAN KOTORAN TERNAKAN | 18 |
| 31 | LAWATAN KERJA DATUK KSU KE LADANG TERNAKAN RUKAMBU | 18 |
| 32 | TINJAUAN KPPV KE KOMPLEKS ABATOIR DAN PUSAT KUARANTIN DI PERLIS | 19 |
| 33 | LAWATAN KERJA RASMI DATUK KSU KE TAWAU, KENINGAU DAN KUNDASANG | 19 |



| | | |
|----|---|----|
| 34 | <i>SUCCESS STORY</i> HAJI AHMAD RAMLI | 20 |
| 35 | LAWATAN KERJA RASMI DATUK KSU KE NS DAIRY FARM | 21 |
| 36 | MESYUARAT PENILAIAN PROJEK KERINTANGAN ANTIMIKROB | 21 |
| 37 | MAJLIS PERASMIAN <i>FRONTLINE FIELD EPIDEMIOLOGY TRAINING FOR VETERINARIANS IN MALAYSIA</i> | 21 |
| 38 | SESI TAKLIMAT KPPV KEPADA 37 AVO DAN 3 PO BAHARU | 22 |
| 39 | KPPV TERIMA KUNJUNGAN HORMAT KEDUTAAN IRELAND | 22 |
| 40 | LAWATAN KERJA DATUK KSU KE ROMPIN DAIRY FARM SDN BHD | 22 |
| 41 | PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN DVS | 22 |
| 42 | PROGRAM TRANSFORMASI MINDA SIRI 1/2023 | 23 |
| 43 | BENGGEL PENYEDIAAN KAMUS KOMPETENSI FUNGSIAN (KKF) JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR | 23 |
| 44 | TEMUDUGA CALON PELAJAR SIJIL VETERINAR MALAYSIA BAGI SESI 2023-2025 | 23 |
| 45 | <i>THE 10TH JOINT MALAYSIA - THAILAND</i> | 24 |
| 46 | PENGIKTIRAFAN "MOST HYBRID CATTLE GATHERING IN AN EVENT" | 24 |
| 47 | <i>VETERINARY BUSINESS & ENTREPRENEURSHIP SYMPOSIUM 2023 (VBES)</i> | 24 |
| 48 | LAWATAN DKSU KE LADANG TERNAKAN LEMBU MILIK RAJA POP NEGARA | 24 |
| 49 | NS FEST 2023 | 25 |
| 50 | INISIATIF BAGI MENANGANI KERINTANGAN ANTIMIKROB DALAM SEKTOR KESIHATAN HAIWAN | 25 |
| 51 | PERBINCANGAN BERSAMA PIHAK GLOBAL IKHWAN SERVICES & BUSINESS HOLDINGS | 25 |
| 52 | KELANTAN KUASAI SEKTOR TERNAKAN LEMBU HIBRID | 26 |
| 53 | SUBSIDI YAM TELUR DITERUSKAN BERITA HARIAN | 27 |
| 54 | CHAROLAIS UNTUK KORBAN | 28 |
| 55 | TAK KEKOK JAGA 1,000 EKOR LEMBU | 29 |
| 56 | APA ITU PERMIT SEMBELIHAN LUAR (PSL) | 29 |
| 57 | CUACA PANAS BERI KESAN KEPADA PENTERNAK | 30 |



4 JANUARI 2023



KPPV MENYANTUNI PENTERNAK TERKESAN AKIBAT BANJIR

YBrs Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar telah hadir menyantuni penternak yang terkesan banjir di pada 4 Januari 2023 di Bachok, Kelantan.

Sebagai rekod sehingga 2 Januari 2023, seramai 188 orang penternak telah terkesan akibat banjir di seluruh Negeri Kelantan yang melibatkan sebanyak 19,165 ekor ternakan dan anggaran kerugian sebanyak RM 279,450.00.

Dalam lawatan kali ini, KPPV menyampaikan sumbangan kepada penternak serta wakil Jajahan. Beliau turut menzahirkan rasa dukacita dengan musibah banjir yang melanda penternak di Negeri Kelantan dan berharap agar sumbangan yang dihulurkan sedikit sebanyak dapat meringankan beban mangsa banjir kali ini.



DVS mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan strategik DVS dalam membantu misi bantuan banjir serta DVS Kelantan di atas penyelarasan program pada kali ini. Semoga semua penternak yang terlibat segera bangkit semula dan tidak berputus asa dalam memastikan keterjaminan makanan.

5 JANUARI 2023

LEBIH KURANG 100 ORANG PENTERNAK YANG TERKESAN BANJIR DI BESUT



Banjir yang melanda Besut baru-baru ini merupakan banjir terburuk yang bukan sahaja memusnahkan harta benda malah mengorbankan banyak ternakan.

Terengganu merekodkan seramai 781 orang penternak terjejas melibatkan 43,789 ternakan dengan nilai kerugian sebanyak RM3.6 juta melibatkan kematian ternakan, kerosakan kandang, pagar dan peralatan.

Lawatan Kerja YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar pada 5 Januari 2023 ke beberapa kawasan di daerah Besut bagi memberi semangat kepada lebih kurang 100 penternak lembu, kambing dan ayam yang terjejas banjir agar tidak patah semangat dan terus bangkit bagi meneruskan aktiviti penternakan mereka. Seperti kata pepatah, berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. Insyaallah, ada rezeki yang lebih baik untuk mereka pada masa akan datang.

KPPV turut menyampaikan sedikit sumbangan kepada mereka yang terkesan dan diharapkan dengan sedikit sumbangan kecil ini dapat meringankan beban mereka. Teruslah bangkit wahai warga penternak sekalian, semoga tidak berputus asa dan jangan serik untuk terus meningkatkan industri ternakan negara.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Rakan Strategik DVS, Dato' Mohd Hafiz Chui Abdullah di atas sumbangan serta seluruh team DVS Terengganu yang menyelaraskan program ini.

PENYERAHAN BANTUAN MAKANAN HAIWAN KESAYANGAN PASCA BANJIR

8 JANUARI 2023

YBrs. Dr. Suratn Kamarudin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah hadir di Program Penyerahan Bantuan Makanan Haiwan Kesayangan Pasca Banjir yang diadakan di Pejabat Veterinar Negeri Kelantan pada 8 Januari 2023.

Objektif program ini adalah untuk memberi bantuan kepada pemilik-pemilik haiwan kesayangan yang terjejas akibat banjir di negeri tersebut pada Disember 2022.

Program Corporate Social Responsibility (CSR) anjuran DVS ini telah berjaya mengumpul 3 tan makanan kucing dalam tempoh sebulan bersama-sama dengan persatuan haiwan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak industri haiwan iaitu:

- Kelab Kucing Malaysia
- Persatuan Haiwan Malaysia
- Malaysia Animal Welfare Foundation (MNAWF)
- Adabi Consumer Industries Sdn. Bhd
- Xpet United Sdn. Bhd
- Pets Corner Sdn. Bhd
- Cell Diversified Sdn. Bhd
- Gilchal Sdn. Bhd
- FGV Integrated Farming Holdings Sdn. Bhd.



Para pemilik haiwan kesayangan dinasihatkan agar tidak mengabaikan kesihatan penjagaan dan kebajikan haiwan. DVS sentiasa bersedia membantu sekiranya terdapat haiwan kesayangan yang cedera akibat bencana banjir.

PET PASSPORT MENJAMIN KEBAJIKAN HAIWAN KESAYANGAN

APA ITU PET PASSPORT?

A collection of diverse domestic animals, including a black and white dog, a white cat, a brown rabbit, and a small guinea pig, sitting together.

KAD PENGENALAN HAIWAN MALAYSIA

- DIKENALI SEBAGAI PET PASSPORT
- MERUPAKAN DOKUMEN RASMI KERAJAAN MALAYSIA
- PENDAFTARAN BACI HAIWAN KESAYANGAN SEPERTI ANJING, KUCING, ARNAB DAN LAIN-LAIN HAIWAN KECIL TERMASUK HAIWAN REKREASI SEPERTI KUDA.

A stylized illustration of a brown and white dog and an orange cat sitting together.

Pet Passport merupakan dokumen rasmi kerajaan bagi haiwan kesayangan seperti anjing, kucing, arnab dan haiwan rekreasi seperti kuda.

Selain bukti pemilikan haiwan, ia juga mampu menjamin kebajikan serta kesejahteraan haiwan kesayangan anda.

Semak petpassport.dvs.gov.my untuk mendapatkan senarai Pejabat Perkhidmatan Veterinar dan Klinik Veterinar Berdaftar berdekatan anda.

TUJUAN PET PASSPORT

- DOKUMEN REKOD PENGENALAN HAIWAN KESAYANGAN DAN HAIWAN REKREASI
- BUKTI PEMILIKAN HAIWAN BERTANGGUNGJAWAB
- MENJAMIN KEBAJIKAN DAN KESEJAHTERAAN

FAEDAH PENGGUNAAN PET PASSPORT

- BUKTI PEMILIKAN HAIWAN
- REKOD HAIWAN KESAYANGAN YANG LENGKAP
- MEMBANTU KAWALAN PENYAKIT HAIWAN

DAPATKAN KAD PENGENALAN HAIWAN SEKARANG!

SEMAK petpassport.dvs.gov.my UNTUK MENDAPATKAN SENARAI PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR DAN KLINIK VETERINAR BERDAFTAR BERDEKATAN ANDA.

Harga Dokumen Kad Pengenalai Haiwan

- Anjing dan Arnab: RM15.00
- Kucing: RM5.00

Harga adalah termasuk lesen kargo, tempoh pemelican, foto, gambar dan kit kitaran Kitahatu.

A cartoon illustration of a woman with brown hair holding a golden retriever dog.



13 JANUARI 2023

TAKLIMAT STATUS TERKINI WABAK ASF DI PULAU PINANG



YBrs Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar telah melakukan lawatan kerja rasmi ke Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang bagi mendengar taklimat berkaitan status terkini wabak ASF yang berlaku di Negeri Pulau Pinang pada 13 Januari 2023.

Taklimat telah disampaikan oleh YBrs Dr. Saira Banu binti Mohamed Rejab, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang. Turut hadir ialah ketua - ketua bahagian DVS Pulau Pinang, YBrs Dr. Shaharul Akmar bin Talib, Pengarah DVS Negeri Kedah, YBrs Dr. Sarenasulastri Awang Besar, Pengarah Makmal Veterinar Zon Utara (Pulau Pinang) dan Encik Roziman Awang Tahrin, Ketua Penguatkuasa Veterinar Pulau Pinang.

KPPV dalam lawatan pada kali ini turut merasmikan Bilik Mesyuarat Aula Perdana Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang dan sempat meninjau bilik gerakan ASF DVS Penang.

13 JANUARI 2023

PEMANTAUAN BERTERUSAN

ELAK ASF TERUS MEREBAK DI PULAU PINANG



Pada 13 Januari 2023, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar telah menghadiri pertemuan antara Ketua Menteri Chow Kon Yeow bersama DVS Pulau Pinang dan wakil penternak babi di Perkampungan Valdor bagi mengetahui perkembangan terkini jangkitan ASF di ladang-ladang kawasan itu.

Pulau Pinang telah mengisytiharkan penyakit demam babi Afrika atau African Swine Fever (ASF) di negeri itu sebagai bencana selepas lima lagi ladang ternak babi dijangkiti penyakit itu menjadikan keseluruhan tujuh ladang ternak babi telah dijangkiti ASF dan membabitkan 25,000 ekor haiwan di semua ladang berkenaan yang akan dimusnahkan secara berperingkat.

Pengesahan penyakit dibuat melalui ujian Polimerase Chain Reaction (PCR) yang dijalankan oleh Makmal Veterinar Zon Utara Bukit Tengah bermula 4 hingga 12 Januari 2023 lepas ke atas sampel babi dari ladang-ladang ternak babi sebelum mendapati tujuh daripadanya dijangkiti ASF.

DVS Pulau Pinang telah menjalankan 'stamping out policy' menerusi pemusnahan babi di ladang yang disahkan positif penyakit ASF secara berperingkat dengan bangkainya ditanam di ladang tersebut atau kawasan khas disediakan kerajaan negeri.

Pemusnahan dijalankan menggunakan kaedah gas CO₂ (berkepekatan tinggi) mengikut garis panduan Kod Amalan Kebajikan Haiwan iaitu Pengurusan Pelupusan Haiwan sebelum bangkai-bangkai babi ditanam secara sempurna.

Bagi mengesan jangkitan dan perebakan penyakit ASF di kawasan berhampiran, pihak berkuasa menjalankan aktiviti pemantauan, pemeriksaan klinikal dan persampelan bagi kesemua ladang ternakan babi dalam radius lima kilometer dari ladang yang terlibat. Aktiviti pemantauan dan pemeriksaan karkas juga giat dijalankan di semua rumah sembelih babi berlesen di Pulau Pinang dan pihaknya tidak menolak kemungkinan penyakit ASF itu akan terus merebak di ladang lain.

Pihak Polis dan Penguatkuasa Veterinar juga mengadakan sekatan jalan raya (SJR) di jalan-jalan masuk ke kawasan Perkampungan Valdor sejak 10 Januari yang lepas dan ia dijalankan bagi mengawal pergerakan keluar serta masuk babi hidup dan karkas babi dari kawasan jangkitan seterusnya mengawal penularan penyakit ASF ini ke kawasan lain.

Kaedah pencegahan penyakit ASF yang berkesan dan disarankan ialah melalui amalan biosekuriti ladang yang baik dengan tidak membenarkan lori pengangkut babi dan lori makanan ternakan masuk ke dalam ladang, ladang mempunyai pagar perimeter bagi mencegah kemasukan babi hutan atau haiwan liar ke dalam ladang dan pelbagai lagi. Kerjasama penternak dan orang awam agar segera melaporkan sebarang kematian pada babi hutan, babi kampung atau babi komersial kepada DVS Pulau Pinang menerusi hotline Bilik Pengurusan Krisis Penyakit melalui talian 04-5041047.

18 JANUARI 2023



SINGGAH SANTAI KETUA SETIAUSAHA MAFS KE PEJABAT KPPV

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) yang baharu, YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali membuat kunjungan ke Pejabat Ketua Pengarah DVS pada 18 Januari 2023.

Datuk Lokman yang memulakan tugas di MAFS pada 17 Januari 2023 turut meluangkan masa mendengar serba sedikit maklumat daripada YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar mengenai DVS.

Seluruh warga Jabatan Perkhidmatan Veterinar mengucapkan selamat datang kepada YBhg. Datuk KSU. Semoga dengan kehadiran Datuk dapat memperkukuhkan lagi agenda Sekuriti Makanan Negara.

20 JANUARI 2023



PERBINCANGAN KERJASAMA BERKAITAN INDUSTRI EKUIN

Kunjungan hormat Majlis Ekuin Malaysia bersama dengan YBrs. Dr. Akma Ngah binti Hamid pada 20 Januari 2023 di DVS Ibu Pejabat, Putrajaya. Kunjungan tersebut bagi membincangkan kerjasama berkaitan dengan Akta Kebajikan Haiwan 2015 melibatkan industri ekuin.

19 JANUARI 2023

LAWATAN YB MENTERI KE LADANG PENTERNAKAN AYAM PEDAGING HS GEMILANG SDN. BHD.



Lawatan kerja Yang Berhormat Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) ke Ladang Penternaan Ayam Pedaging HS Gemilang Sdn. Bhd milik Encik Mohd Muzamri bin Haji Soib yang terletak di Jalan Kebun, Seksyen 30, Shah Alam, Selangor pada 19 Januari 2023.

Encik Zamri yang telah memternak selama 23 tahun menceritakan beliau pernah mengalami kerugian sebanyak RM 120 ribu, namun menganggap ia adalah cabaran dalam bidang penternaan. Dan pada tahun 2021, beliau pernah memenangi Anugerah Inovasi Teknologi - Penyerapan Habuk dan Bau.



Turut hadir sama dalam lawatan pada kali ini ialah YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal Negeri Selangor serta YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar.



20 JANUARI 2023



KUNJUNGAN HORMAT DUTCH LADY KE DVS

YBrs. Dr. Akma Ngah binti Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar telah menerima kunjungan hormat pihak Dutch Lady pada 20 Januari 2023 bertempat di Ibu Pejabat DVS, Putrajaya.

Dutch Lady diwakili oleh Encik Hadi, Pengarah Corporate Affair Dutch Lady bersama-sama dengan Mr. Henry Freisland Campina Holland.

Hadir sama YBrs. Dr. Yuslan bin Sanuddin, pegawai veterinar daripada Seksyen Ruminan, Bahagian Pembangunan Industri Ternakan.

TERIMA KASIH DI ATAS JASA DAN BUDI YANG DICURAH



Majlis meraikan pesara dan bakal pesara yang bertugas di Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar bagi tahun 2023 telah diadakan pada 20 Januari 2023 bertempat di Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya. Majlis ini adalah inisiatif Pengurusan Tertinggi DVS bagi menghargai jasa dan budi kakitangan yang telah dan bakal meninggalkan Jabatan tahun ini.

Senarai kakitangan IPPV yang bersara pada tahun 2023 ialah:

1. YBrs. Dr. Fuziah Muhayat
2. YBrs. Dr. Ramlan Mohamed
3. Encik Subramanian A/L Ellapan
4. YBrs. Dr. Redzuan Ibrahim
5. YBrs. Dr. Ahmad Nazri Abdul Rahman
6. YBrs. Lai Shu Zhan
7. Encik Zulkefle Ahmad
8. Encik Ahmad Daud Ramtan
9. Puan Faridah Ibrahim
10. Encik Hassan Ismail
11. Encik Ridzuan Shuaid
12. Puan Napsiah Md Yusof

Jabatan mengucapkan selamat maju jaya kepada semua pesara. Diharapkan tuan puan akan terus diberikan kesihatan yang baik dan dikurniakan kehidupan yang sejahtera.



*Tenang - tenang air laut...
Sampan kolek mudik ke tanjung...
Hati terkenang, mulut menyebut...
Budi baik tetap dijunjung...
Jangan pergi terlalu lama..
Supaya kluatir selesai sudah..
Suka duka dilewati bersama..
Menjalin kenangan yang amat indah..
Terima kasih di atas jasa dan budi yang dicurah..
Semoga kita berjumpa lagi..*

21 JANUARI 2023

LAWATAN KERJA KSU MAFS KE LAPANGAN



YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar mengiringi YBhg. Datuk Lokman Hakim Bin Ali, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam lawatan kerja beliau ke ke Ladang Ternakan Lembu Integrasi Dan Fidlot milik Encik Saipol Azimir bin Zainuddin bertempat di Kampung Endah, Banting, Selangor pada 21 Januari 2023.

Memulakan projek sejak tahun 2012, kini Encik Saipol memiliki 500 ekor lembu fidlot, 400 ekor lembu integrasi, 50 ekor kerbau, 150 ekor bebiri dan 10 ekor kambing.



Walaupun berdepan pelbagai cabaran terutamanya kos makanan yang meningkat, namun dengan usaha gigih dan tidak kenal erti berputus asa menjadikan Encik Saipol antara penternak yang boleh dibanggakan dan menjadi ikon terutamanya kepada penternak muda pada masa kini.

Kemudian, Datuk Lokman menyambung lawatan ke Ladang Ternakan Ayam Pedaging yang diuruskan oleh Encik Abdul Hakim bin Ismail daripada syarikat ID Mega Management Services Sdn Bhd yang terletak di Kampung Parit Mahang, Jeram, Selangor.

Syarikat ini menggunakan kaedah ternakan secara kontrak dan telah memulakan projek sejak tahun 2010. Jumlah ternakan pada masa ini ialah sebanyak 450,000 ekor.

Tahniah diucapkan dan semoga Encik Saipol dan Encik Abdul Hakim akan terus berjaya pada masa akan datang. Teruskan usaha dalam meningkatkan industri penternakan negara.

Turut hadir sama pada lawatan kerja kali ini ialah:

1. YBhg. Datuk Seri Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MAFS
2. YBhg. Dato' Azulita binti Salim, Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang Malaysia
3. YM Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, President / Chief Executive Officer Agrobank
4. YBrs. Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Pengarah Bahagian Perancangan Strategik dan Penilaian Veterinar, DVS Putrajaya
5. YBrs. Dr. Hassuzana binti Khalil, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor



25 JANUARI 2023

YBM - INPUT MENGENAI PENGELUARAN SUMBER PROTIEN TERPENTING DI ZON UTARA



Lawatan Kerja YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) ke Pusat Jualan Ayam Bismi dan Rumah Makan Percuma milik Syarikat Bismi Empire Sdn. Bhd. yang terletak di Simpang Empat Kangkong, Kedah pada 25 Januari 2023.

Lawatan pada kali ini diadakan bagi mendapatkan input serta gambaran sebenar industri penternakan dan pengeluaran sumber protein yang terpenting negara di utara tanah air.

Syarikat Bismi Empire Sdn. Bhd. adalah antara pemain industri pengeluaran ayam yang menekankan konsep 100% halal merangkumi seluruh proses dari ternakan, makanan, sembelihan, pembukusan dan edaran.



Berpengalaman selama 35 tahun dalam bidang penternakan, kini Bismi Empire Sdn Bhd mempunyai 18 buah ladang bersepadu dengan kapasiti ternakan sebanyak 2 juta ekor ayam setiap kitaran.

Dalam lawatan tersebut, DVS turut menyampaikan sedikit sumbangan berupa telur, ayam dan barangan makanan untuk dikongsi bersama 50 orang asnaf yang terpilih.

1 FEBRUARI 2023



LAWATAN KERJA KSU MAFS KE PROJEK TERNAKAN LEMBU DI SELANGOR

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid turut hadir mengiringi YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) dalam lawatan kerja beliau ke Projek Ternakan Lembu Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bernam Jaya dan lawatan ke Tapak Projek Ternakan Lembu milik Usahawan di Kampung Tebuk Jawa, Sabak Bernam, Selangor pada 1 Februari 2023.

2 FEBRUARI 2023

MAJLIS AMANAT KP



Pada 2 Februari 2023, telah berlangsungnya Majlis Amanat Tahun Baharu 2023 Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar bertempat di Dewan Serbaguna MAFS, Wisma Tani, Putrajaya.

Selain amanat Ketua Pengarah, turut diadakan ialah:

- Ceramah SPRM yang bertajuk "Integriti Mencipta Kecemerlangan, Rasuah Pemusnah Organisasi" yang disampaikan oleh Tuan Effezul Azran bin Abd Maulop.
- Penyampaian hadiah kepada para pemenang e-poster Hari Integriti.
- Penyampaian sijil penghargaan kepada Pengarah-Pengarah Bahagian dan auditor bagi program pensijilan Veterinar.
- Penyampaian sumbangan kepada dua waris kakitangan DVS yang meninggal dunia (al-fatihah).

4 FEBRUARI 2023

LAWATAN KSU MAFS KE LADANG TERNAKAN KERBAU TENUSU TERBESAR DI MALAYSIA



Lawatan kerja YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) ke MIG Farm Sdn. Bhd. yang dimiliki oleh Encik Abdul Ghaffar Khan bin Amirullah pada 4 Februari 2023 bertempat di Kampung Sg. Kembong, Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat, Kajang, Selangor.

MIG merupakan salah sebuah ladang ternakan kerbau tenusu yang terbesar di Malaysia yang kini mempunyai 1200 ekor ternakan dengan keluasan kandang 3.8 ekar.

Turut hadir sama dalam lawatan tersebut ialah YBhg. Datuk Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MAFS, YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, YBhg. Dato' Azulita binti Salim, Ketua Pengarah LPP, YBrs. Dr. Hassuzana binti Khalil, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor serta pegawai dari MAFS dan DVS.

Diharapkan agar industri ini akan terus berkembang dengan maju pada masa akan datang.

7 FEBRUARI 2023

LAWATAN KERJA YB MENTERI MAFS KE LOJI PEMROSESAN SARANG BURUNG WALET



Lawatan kerja rasmi YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) ke loji pemprosesan sarang burung walet, Asiawalit Resources Sdn. Bhd pada 7 Februari 2023 di Taman Perindustrian Pusat Bandar Puchong, Selangor.

Hadir sama YH Kol. Bersekutu (PA), Dato' Chua Huai Gen, Pengerusi Asiawalit Resources Sdn. Bhd, YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) serta pegawai-pegawai kanan kementerian. Asiawalit Resources Sdn. Bhd. merupakan antara pengusaha yang bergiat aktif di Malaysia serta memiliki loji pemprosesan.



Syarikat yang boleh memuatkan 1000 orang pekerja dalam satu masa ini unik berdasarkan fasilitinya yang lengkap dengan Swiftlet Eco Culture Museum dan juga International Swiftlet Nest Education and Training Center.

Sarang burung walet (SBW) merupakan salah satu industri penting yang sedang berkembang pesat dengan permintaan yang tinggi secara global.

MAFS menerusi DVS akan terus membantu para pemain industri dalam meningkatkan penghasilan dan pengeluaran sarang burung walet yang berkualiti tinggi.



8 FEBRUARI 2023



PROGRAM RETREAT DVS TAHUN 2023

Program Retreat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Tahun 2023 Dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Dasar Dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPDJ) Bil. 1/2023 telah diadakan pada 8 hingga 10 Februari 2023 bertempat di Institut Pengurusan Peladang Langkawi, Kedah.

Pada hari terakhir program, ahli mesyuarat turut dibawa untuk melihat haiwan-haiwan yang ada di Machinchang Petland Langkawi.

13 FEBRUARI 2023



LAWATAN KERJA RUMAH SEMBELIH TIP TOP MEAT SDN BHD

YB Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) telah melakukan lawatan kerja ke Tip Top Meat Sdn Bhd, Ulu Selangor, Selangor pada 13 Februari 2023. Dalam lawatan tersebut, YB Chan Foong Hin membuat perbincangan dengan pengurusan Tip Top Meat Sdn. Bhd dan pegawai-pegawai DVS mengenai isu pemindahan khinzir dari satu tempat ke satu tempat dengan selamat bagi menangani wabak African Swine Flu (ASF) selain melihat sendiri proses penyembelihan di rumah sembelih.

Turut hadir YBrs. Dr. Mohammad Razli bin Abdul Razak, Pengarah Bahagian Regulatori Veterinar, pegawai-pegawai Veterinar Jabatan Perkhidmatan Veterinar Ibu Pejabat Putrajaya dan Selangor.

MFSFU INTEGRITI
03/2023

KELUAR NEGARA TANPA KEBENARAN ADALAH SATU KESALAHAN

- ✔
PEGAWAI AWAM HENDAKLAH MENDAPATKAN KEBENARAN DARIPADA KETUA JABATAN SEBELUM KELUAR NEGARA SAMA ADA ATAS URUSAN RASMI ATAUPUN PERSENDIRIAN
- ✔
PEGAWAI AWAM YANG GAGAL BERBUAT DEMIKIAN TIDAK LAYAK MENUNTUT PERLINDUNGAN INSURANS JIKA BERLAKU KECELAKAAN KETIKA BERADA DI LUAR NEGARA
- ✔
KEGAGALAN MENDAPATKAN KEBENARAN DISIFATKAN SEBAGAI INGKAR PERINTAH DAN BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB

Unit Integriti, Aras 4, Lot 4G1 Blok Podium 1B,
Wisma Tani, Presint 4, 62630, Putrajaya

03-8870 1402 | integriti@dvs.gov.my

**Mahu bercuti ke luar negara?
Atau
menjalankan tugas rasmi
di luar negara?**

**PASTIKAN MENDAPAT KELULUSAN
SEBELUM KE LUAR NEGARA.**

Penjawat Awam WAJIB mendapatkan kebenaran bertulis keluar negara bagi urusan rasmi mahupun urusan peribadi. Kegagalan penjawat awam dalam mendapatkan kelulusan boleh dianggap ingkar perintah dan dikenakan tindakan tatatertib.

STRIVE

Majlis Pelancaran Pelan Anti Rasuah dan Integriti Veterinar (STRIVE) telah dilancarkan oleh YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar pada 22 Februari 2023 bertempat di Dewan Serbaguna, Kementerian Pengangkutan, Putrajaya.

Pelan STRIVE ini adalah salah satu inisiatif DVS dalam menyokong dasar antirasuah kerajaan demi memastikan warganya dikenali sebagai warga yang berintegriti tinggi dan menolak budaya rasuah, seiring dengan aspirasi kerajaan menjadikan "Malaysia dikenali kerana integriti dan bukan rasuah".

Pelan Strategi Antirasuah dan Integriti Veterinar (STRIVE) adalah salah satu inisiatif Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dalam menyokong dasar antirasuah kerajaan dengan menyasarkan perancangan lima (5) tahun iaitu 2022 hingga 2026.

Pelan yang menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu ini mengambil kira pandangan warga DVS secara holistik dan telah mengenal pasti empat (4) strategi merangkumi 114 inisiatif untuk dilaksanakan sebagai panduan pengurusan antirasuah, integriti dan tadbir urus di Jabatan ini.

Pelaksanaan semua inisiatif yang telah digubal ini akan dipantau dan dikaji semula secara berkala untuk kelestarian keberkesanan pelan ini. DVS sentiasa peka dengan perubahan semasa dan mengambil kira maklum balas, nasihat dan panduan daripada pelbagai pihak dalam memastikan inisiatif yang dirangka akan sentiasa relevan.

Pelan ini juga dijadikan sebagai panduan kepada setiap pegawai dan kakitangan DVS supaya mengamalkan sifat ketelusan dan kebertanggungjawaban disamping meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada golongan sasaran.

Jabatan memandang serius dan tidak akan berkompromi dengan isu rasuah. Sebagai contohnya, bagi memastikan makanan berasaskan haiwan bebas dari penyakit dan selamat dimakan, DVS telah mengenalpasti risiko-risiko integriti di setiap rangkaian perkhidmatan Jabatan, termasuk pemberian geran dan bantuan, pemeriksaan veterinar, perlesenan dan kebenaran import daging. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi DVS akan memastikan imej dan kredibiliti warganya dikenali sebagai warga yang berintegriti tinggi dan menolak budaya rasuah, seiring dengan aspirasi kerajaan menjadikan "Malaysia dikenali kerana integriti dan bukan rasuah".

Ceramah bertajuk "Rasuah Dalam Kalangan Penjawat Awam" telah disampaikan oleh YBrs. Tuan Rostam bin Maidin, Penguatkuasa Kanan dari Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Sesi petang merupakan Perasmian bagi Majlis Pelancaran Pelan Anti Rasuah dan Integriti Veterinar (STRIVE) dan angkat sumpah yang telah diadakan di Dewan Serbaguna MOT. Majlis ini dirasmikan oleh YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar. Turut hadir ialah Yang Berbahagia Dato Razim bin Noor, Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Pelan STRIVE ini adalah salah satu inisiatif DVS dalam menyokong dasar antirasuah kerajaan dalam memastikan warganya dikenali sebagai warga yang berintegriti tinggi dan menolak budaya rasuah, seiring dengan aspirasi kerajaan menjadikan "Malaysia dikenali kerana integriti dan bukan rasuah".

AFRICAN SWINE FEVER (ASF)
BUKAN ZOONOTIK
TIDAK MENJANGKITI MANUSIA

Penyakit **African Swine Fever (ASF)** adalah **penyakit demam berdarah** yang menyerang babi komersial dan babi hutan serta menyebabkan peratusan kematian babi yang tinggi.

Kaedah Jangkitan
Adalah Melalui:

- Sentuhan (*Direct Contact*)
- Kontaminasi Peralatan Ladang
- Kontaminasi Dalam Makanan
- Infestasi *Vector Tick* (Kutu)

Mohon kerjasama dari orang ramai dan semua pihak yang mempunyai sabarang maklumat berkaitan kematian pada babi hutan dan babi komersial, sila melaporkan segera menerusi **Hotline Bilik Pengurusan Krisis Penyakit, Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Putrajaya** di talian 03-9070 2041, **Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri** atau **Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah** terdekat.

Facebook: @veterinarmalaysia, @veterinarmalaysia, @DVS_Malaysia, DVS_Malaysia, @veterinarmalaysia

"Pengimportan telur adalah langkah sementara bagi menampung permintaan tempatan sehingga bekalan di pasaran kembali stabil"

YB MHAHADI SAMU
Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Jabatan Perkhidmatan Veterinar, DVS



1 MAC 2023



PENDEDAHAN KEPENTINGAN KAD PENGENALAN KUDA SERTA DAYA JEJAK KUDA

Pada 1 Mac 2023 telah diadakan Kursus Pendaftar Kad Pengenalan Kuda bertempat di Selangor Turf Club, Seri Kembangan, Selangor.

Kursus anjuran Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar, DVS ini telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Malek Jeremia Abdullah, Setiausaha Eksekutif MEM, YBrs. Dr. Shri Kanth a/l Kanaesalingam, Naib Presiden, Equestrian Association of Malaysia serta YBrs. Dr. Aida Muhid, Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar.

Sebanyak lima sesi ceramah telah diberikan kepada para peserta kursus iaitu:

- ▶ Pengenalan Pendaftar Kad Pengenalan Kuda dan Daya Jejak Kuda yang disampaikan oleh YBrs Dr. Salina Amad Bugis (Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar)
- ▶ Doktor Veterinar Berdaftar yang disampaikan oleh YBrs Dr. Nazahiyah Sulaiman (Majlis Veterinar Malaysia)
- ▶ Akta Kebajikan Haiwan yang disampaikan oleh Dr. Ani binti Yardi (Bahagian Regulatori Veterinar)
- ▶ Pengenalan Kad Pengenalan Kuda yang disampaikan oleh YBrs Dr. Khairul Anuar Muhammad (Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang)
- ▶ Pengurusan Sistem Animal Passport yang disampaikan oleh YBrs Dr. Noor Ismaliza Ismail (Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar)

SESI PENERANGAN IMPORT PRODUK HAIWAN DAN DAGING KEPADA TIMBALAN MENTERI KPKM



Pejabat Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya

Sesi taklimat kepada YB Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengenai Pengurusan Import Produk Haiwan oleh YBrs. Dr. Sabariah binti Ismail, Timbalan Pengarah Seksyen Import Eksport Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan taklimat mengenai Prosedur Pengiktirafan Abatoir dan Loji Pemprosesan Luar Negara oleh YBrs. Dr. Mohammad Razak bin Abdul Razak, Pengarah Bahagian Regulatori Veterinar.

Sesi taklimat ini telah diketuai oleh YBrs. Dr. Suratan bin Kamarudin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) DVS untuk memberikan penerangan yang lebih jelas tentang prosedur DVS bagi import produk haiwan dan daging dari luar negara.



MESEJ INTEGRITI
02/2023

TIDAK KERJA TIADA GAJI

**TIADA GAJI BAGI TEMPOH
TIDAK HADIR BEKERJA TANPA CUTI**

Jika seseorang pegawai tidak hadir bekerja bagi sesuatu tempoh pada pendapat Ketua Jabatan tanpa sesuatu sebab yang munasabah, maka pegawai itu **tidaklah berhak mendapat apa-apa gaji atau lain-lain emolumen** bagi tempoh tidak hadir bekerja itu.

PERINTAH AM BAB C 14A.(a)

Unit Integriti, Aras 4, Lot 4G1 Blok Podium 1B,
Wisma Tani, Presint 4, 62630, Putrajaya

03-8870 1402 Integriti@dvs.gov.my



**UNIT
INTEGRITI**
MEMUDAHKAN
KELAKSANAAN

4 MAC 2023

LAWATAN KERJA MENTERI KPKM KE PROJEK TERNAKAN LEMBU SADO



YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah membuat lawatan kerja ke Projek Ternakan Lembu Sado yang terletak di Kampung Atas Tol, Kuala Terengganu pada 4 Mac 2023.

Turut hadir YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali, Ketua Setiausaha KPKM, YBr. Dr. Suratan bin Kamarudin, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), YBr. Dr. Anun binti Man, Pengarah DVS Terengganu dan tidak ketinggalan pemilik projek, Haji Ahmad Ramali bin Mohd Noor.

Haji Ahmad Ramali adalah antara pengusaha lembu sado yang komited dan berjaya. Dengan keluasan tanah 2 ekar miliknya di Kg. Atas Tol, Kuala Terengganu beliau yang berusia 65 tahun

Beliau kini memiliki 41 ekor (36 ekor lembu, 5 ekor kerbau) yang terdiri daripada pelbagai baka lembu kacukan sado dan 3 biji kandang lembu juga telah dibina.

Selain menjual lembu dewasa dan anak untuk tujuan baka, ibadah akikah dan korban, Haji Ahmad Ramali turut membuat penyembelihan dan menjual daging kepada penduduk setempat.

Semoga perniagaan Haji Ahmad Ramali akan terus berjaya di masa-masa akan datang.

9 MAC 2023

MALYSIAN JURISPRUDENCE VETERINARY EXAMINATION

- SYARAT WAJIB SEBELUM LAYAK DIDAFTARKAN



Malaysian Jurisprudence Veterinary Examination (MJVE) anjuran Majlis Veterinar Malaysia telah diadakan pada 9 Mac 2023 bertempat di Bilik Tayangan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya yang disertai oleh para graduan dari Universiti luar negara yang diiktiraf di bawah Jadual II Akta Doktor Veterinar 1974 (Akta 147).

MJVE merupakan salah satu syarat wajib sebelum layak didaftarkan sebagai Doktor Veterinar Berdaftar (Registered Veterinary Surgeon) di bawah Majlis Veterinar Malaysia.

10 MAC 2023 | Putrajaya



RAKAMAN TEMUBUAL OLEH BULETIN UTAMA TV3

Rakaman temubual oleh Buletin Utama TV3 bersama YBr. Dr. Suratan bin Kamarudin, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (P) yang mengupas isu penganiayaan terhadap haiwan.



16 MAC 2023

MAJLIS KONVOKESYEN PERTANIAN KALI KE-11 TAHUN 2023

Majlis Konvokesyen Pertanian kali ke-11 telah dirasmikan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Datuk Seri Haji Mohamad Sabu pada 16 Mac 2023 di Putrajaya International Convention Centre (PICC).

Seramai 629 orang graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian dalam pelbagai bidang ditawarkan di bawah kementerian seperti pecahan berikut, 101 orang graduan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), 307 orang graduan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), 156 orang graduan Sijil Pertanian, 45 orang graduan Sijil Veterinar Malaysia dan 20 orang graduan Sijil Perikanan.

Di majlis tersebut seramai enam orang graduan yang dipilih berdasarkan kecemerlangan dan keusahawanan akan dicalonkan untuk menerima lapan penganugerahan khas iaitu Anugerah Khas Pingat Emas Menteri, Anugerah Khas Ketua Setiausaha, Anugerah Khas Graduan Keusahawanan AGROBANK, Anugerah Khas Ketua Pengarah Pertanian, Anugerah Khas Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Anugerah Khas Ketua Pengarah Perikanan, Anugerah Khas Pengarah BPKLP dan Anugerah Khas Pengurus Besar MADA.

Turut hadir YB Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali, Ketua Setiausaha KPKM dan pegawai-pegawai kanan Jabatan dan Agensi di bawah KPKM.

Tahniah diucapkan kepada Encik Zulfaqar Arief bin Zolhaimi sebagai Penerima Anugerah Khas Pingat Emas Menteri dan Anugerah Khas Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar sempena Majlis Konvokesyen Pertanian ke-11 Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.



16 MAC 2023

PERBINCANGAN SITUASI TERKINI INDUSTRI SARANG BURUNG WALET DI MALAYSIA

Sesi kunjungan hormat China Agricultural Wholesale Market Association (CAWA) ke pejabat Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar telah berlangsung pada 31 Mac 2023.

Antara intipati kunjungan adalah bagi membincangkan tentang situasi terkini industri Sarang Burung Walet (SBW) di Malaysia bermula dari peringkat pengeluaran sehingga ke peringkat eksport, perkongsian maklumat berkaitan penyelidikan berkaitan industri SBW yang telah dijalankan di Malaysia serta hala tuju strategik industri SBW Malaysia - China.



Anggaran eksport bagi SBW keseluruhannya adalah sebanyak 300 tan metrik (RC dan RUC) dan CAWA menyatakan bahawa China telah mengimport SBW Malaysia sebanyak sebanyak 159 tan metrik pada tahun 2022.

Sesi ini diketuai Pengerusi CAWA, Encik Ma Zengjun bersama 16 orang delegasi. Turut hadir sama ialah Encik Allen S.M Tan, Presiden Persekutuan Persatuan Pedagang Sarang Burung Malaysia.

“NAMPAK JER BESAR, TAPI NALURI DALAMAN SANGAT MANJA”

Ramai yang berpendapat bahawa penjagaan lembu sado ini garang berdasarkan kepada bentuk dan saiz tubuhnya yang lebih besar daripada lembu biasa. Namun tanggapan tersebut salah berdasarkan kepada personaliti sebenar mereka yang amat manja dan suka dibelai.

Pengusaha TC Steak House yang terletak di Gong Badak, Encik Muhammad Afizi Zakari memaklumkan karakter lembu sado ini seperti kucing. Manja, suka dibelai, suka digosok, dan kandangnya perlu dibersihkan setiap hari. Tambahnya lagi, nampak jer besar, tapi naluri dalaman sangat manja.

Selain itu, cara penjagaan dan pemakanan lembu sado ini juga lebih rapi berbanding dengan lembu biasa. Lembu sado kena mandi setiap hari disamping makan dua kali sehari.

Dari penternakan lembu biasa dan lembu sado ke perniagaan stek lembu sado Encik Afizi telah berkecimpung di dalam bidang penternakan lembu biasa sejak kecil lagi sebelum memulakan penglibatan dalam penternakan lembu sado dalam 10 tahun yang lepas. 3 tahun kemudian, beliau memulakan perniagaan daging stik lembu sado.



Katanya, untuk menghasilkan daging sado yang berkualiti tinggi, ia memerlukan perbelanjaan kos yang tinggi berdasarkan kepada aspek pemakanan, kesihatan, ubat-ubatan kepada lembu tersebut.

Potongan daging stek lembu sado adalah sama seperti potongan stek biasa namun perbezaan yang ketara adalah pada rasanya. Daging lembu sado amat premium dan kemanisan daging tersebut amat ketara.

Khidmat nasihat

Ditanya mengenai maklumat penjagaan ternakan lembu, Encik Afizi memaklumkan bahawa beliau banyak mendapatkan khidmat nasihat daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Terengganu.

“Mantan Pengarah DVS Terengganu waktu itu, Dr. Termizi Ghazali mempunyai banyak pengalaman ketika berada di Jepun dahulu. Jadi saya dan Dr. Termizi banyak berbincang dan bergabung idea.”, katanya lagi.

Cabaran di dalam industri

Cabaran utama dalam perniagaan ini adalah untuk mendapatkan bekalan stok yang mencukupi. Encik Afizi berkata, permintaan pasaran yang tinggi terhadap daging lembu sado ini menyebabkan beliau terpaksa mengawal produk sekaligus tidak mampu untuk membekalkan daging kepada pengedar lain.

Perancangan masa depan

Antara perancangan utama beliau adalah untuk mendapatkan kawasan yang lebih luas bagi tujuan menternak lebih banyak lembu sado dan dapat membekalkan daging lembu sado kepada para pembekal.

Encik Afizi sebelum mengakhiri temubual mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Dr. Termizi yang banyak membimbing dan bertanya khabar sehingga ke hari ini. Encik Afizi juga memaklumkan bahawa kepada pihak yang ingin memulakan penjagaan lembu sado, mereka perlu tahu cara penjagaan yang betul agar dapat menghasilkan daging yang premium. Selain itu, beliau turut menasihati agar sentiasa berhubung dengan pihak DVS untuk mengetahui maklumat-maklumat lain yang berkaitan.



SUCCESS STORY | SAIFUL SAHRIL SAIDALI



BIAR BERSEDERHANA NAMUN TETAP BERDAYA SAING

“Jika dulu arwah abah Saidali bin Muhamad telah 'melahirkan' ramai penternak berjaya. Kini giliran saya 'membimbing' anak-anak muda. Besar hati syarikat kecil seperti kami diberi peluang melatih bakal usahawan tani.”- Encik Saiful Sahril Saidali.

Encik Saiful Sahril Saidali merupakan pemilik Senggarang Goat Farm yang menjalankan perkhidmatan penternakan kambing pedaging dan tenusu. Beliau yang berusia 36 tahun ini merupakan graduan Sijil Kemahiran Malaysia (Ruminan) Institut Veterinar Malaysia.

Ditanya bagaimana bermulanya penglibatan beliau dalam bidang ini, Encik Saiful memberitahu bahawa beliau menyambung menjaga ternakan arwah bapa yang ketika itu diternak secara tradisional di kawasan yang ditumpang seluas ¼ ekar.

Berbekalkan modal sebanyak RM10,000, kini Encik Saiful telah mengorak langkah dengan membuat sistem trading dengan mengekalkan jumlah ternakan sebanyak 100 ekor pada satu masa di kawasan milik sendiri yang terletak di Kampung Bukit Batu, Senggarang, Batu Pahat, Johor dengan menawarkan pelbagai perkhidmatan iaitu ternakan, susu kambing segar, kambing akikah, ibadat korban dan juga katering.

Beliau yang mendapat bantuan mesin mini pasturize dan 5 ekor kambing tenusu daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) memaklumkan yang beliau berpegangkan prinsip kepada “Biar bersederhana namun tetap berdaya saing”.

Encik Saiful juga berimpian untuk mempunyai kawasan ternakan yang lebih luas agar dapat menempatkan lebih banyak haiwan ternakan sekaligus meningkatkan produktiviti perkhidmatannya.

DVS mengucapkan selamat maju jaya dan semoga akan lebih sukses di masa hadapan.

6 APRIL 2023

TAKLIMAT SISTEM PEMANTAUAN PENGURUSAN KOTORAN TERNAKAN

Taklimat Sistem Pemantauan Pengurusan Kotoran Ternakan (Real-Time Monitoring and Data Analytics System for Improved Livestock Waste Management) bersama dengan Universiti Malaysia Pahang telah diadakan pada 6 April 2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Bahagian Kesihatan Awam Veterinar, Putrajaya.

Sistem ini dibangunkan bagi memfokuskan kepada penggunaan sensor dan sistem kawalan secara atas talian dan "real time" bagi tujuan menyediakan penyelesaian inovatif dalam memantau kotoran ternakan sekaligus dapat memberi manfaat kepada badan berwajib yang memantau ladang ternakan selain kepada penternak itu sendiri.



8 APRIL 2023

LAWATAN KERJA DATUK KSU KE LADANG TERNAKAN RUKAMBU

Lawatan Kerja YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) ke Ladang Ternakan Rukambu Sdn. Bhd. yang terletak di Yan, Kedah diiringi YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar pada 8 April 2023.

Rukambu menjalankan projek penternakan dan pembiakbakaan kambing baka Shami bermula pada tahun 2017 dan projek penternakan pembaka ayam menggunakan baka Ayam Jera yang bermula pada tahun 2018, diuruskan oleh Encik Nasrullah Mujaddidi bin Md Zaini berumur 32 tahun, merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Pertanian Sains Haiwan, dari Universiti Putra Malaysia. Jumlah populasi semasa adalah 800 ekor induk betina kambing baka Shami dan 2000 ekor ayam pembaka dari baka Ayam Jerai.



Turut hadir sama dalam lawatan ini ialah YBrs. Dr. Shaharul Akmar bin Talib, Pengarah DVS Kedah, Pegawai daripada MARDI dan PPVD Yan.

8 APRIL 2023

TINJAUAN KPPV KE KOMPLEKS ABATOIR DAN PUSAT KUARANTIN DI PERLIS

Lawatan kerja YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (KPPV) ke Kompleks Abatoir Jejawi, Perlis pada 8 April 2023 bagi meninjau operasi rumah sembelih sempena Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang.

Selepas itu, Dr. Akma binti Ngah Hamid meneruskan lawatan ke dua Pusat Kuarantin Sementara milik Encik Ibrahim bin Hamidon (R1451) di Arau dan Encik Rosli bin Che Ismail (R92716) di Chuping.

Turut hadir pegawai daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis.



6 APRIL 2023

KUNJUNGAN MUSLIM HALAL MEAT IMPORTERS ASSOCIATION OF MALAYSIA DAN AL-SUPER

Kunjungan Presiden Muslim Halal Meat Importers Association Of Malaysia bersama dengan syarikat Al-Super bagi membincangkan prosedur pengeksporan daging kerbau India ke Malaysia bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar pada 17 April 2023.

28-30 APRIL 2023

LAWATAN KERJA RASMI DATUK KSU KE TAWAU, KENINGAU DAN KUNDASANG



28 April 2023 : Lawatan Kerja YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bersama YBhg. Dr. Akma Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar ke Sawit Kinabalu Livestock Integrated Centre (SKLIC) di Balung, Tawau, Sabah.

29 April 2023 : Lawatan kerja YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bersama YBrs. Dr. Akma Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar ke Ladang Eco Yap, Keningau, Sabah.



30 April 2023 : Lawatan kerja YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bersama YBrs. Dr. Akma Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar ke Desa Dairy Farm, Kundasang, Sabah.





USIA BUKAN PENGHALANG UNTUK BERJAYA

Haji Ahmad Ramali bin Mohd Noor adalah di antara pengusaha lembu sado yang komited dan berjaya. Dengan keluasan tanah dua ekar miliknya di Kampung Atas Tol, Kuala Terengganu, beliau memulakan perusahaannya ini pada usia yang muda pada awal tahun 1980. Dengan bermula dengan seekor lembu jantan dan dua ekor lembu betina, beliau perlahan-lahan mengorak langkah dalam bidang ternakan.

Kini beliau sudah berusia 65 tahun dan juga sudah berkecimpung dalam industri ternakan lembu selama 37 tahun tetapi namun tidak pernah mendapatkan sebarang pinjaman untuk memulakan perusahaannya, menjadikan Haji Ahmad Ramali benar-benar berdikari dalam memajukan perniagaannya.

Prinsipnya mudah, biarlah bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian. Kini bilangan ternakan di ladang beliau telah meningkat dari semasa ke semasa, dan kini populasi semasa di ladang beliau adalah sebanyak 41 ekor (36 ekor lembu, 5 ekor kerbau) yang terdiri daripada pelbagai baka lembu kacukan sado dan 3 biji kandang lembu juga telah dibina. Bilangan ternakan ini akan bertambah di musim-musim perayaan kerana permintaan yang tinggi.

Apabila ditanya mengenai rahsia kejayaan beliau, Haji Ahmad Ramali memaklumkan bahawa kesungguhan yang tidak pernah kenal putus asa dan pengalaman ketika membantu bapanya ketika kecil yang juga seorang usahawan ternakan lembu sebagai panduan mengusahakan projek berkenaan.

Di samping membuat perolehan lembu sado daripada penternak tempatan, Haji Ahmad Ramali juga mengaplikasikan perkhidmatan pernianian beradas daripada jurusuntik pernianian beradas swasta dan juga dari unit pembiakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) bagi tujuan meningkatkan populasi, pengeluaran dan juga genetik ternakan di kandang beliau.

Beliau tertarik dengan teknologi pernianian beradas yang diperkenalkan oleh DVS dan mula berjinak-jinak menggunakan kaedah ini pada tahun 2008 kerana melihat kualiti anak lembu yang dihasilkan. Sehingga kini, sebanyak 50 ekor lebih anak kacukan lembu sado telah diperolehi hasil teknologi ini.



Setiap tahun, Haji Ahmad Ramali mampu mengeluarkan lembu baka 6-10 ekor/ tahun dan anak lembu kacukan 4-6 ekor/ tahun. Selain menjual lembu dewasa dan anak untuk tujuan baka, ibadah akikah dan korban, Haji Ahmad Ramali turut membuat khidmat penyembelihan dan menjual daging kepada penduduk setempat. Jumlah purata lembu yang disembelih adalah 15-20 ekor / bulan dan jumlah permintaan daging akan meningkat menjelang musim perayaan korban atau cuti sekolah.

Menurut beliau lagi, hasil daging lembu sado yang diperolehi adalah lebih tinggi berbanding lembu tempatan sebanyak 15-20%



Beliau juga telah membina sebuah Rumah Sembelih Swasta dengan anggaran kos RM 70,000 – RM 80,000. Pada tahun 2015, rumah sembelih ini telah diiktiraf sebagai Rumah Sembelih Swasta berlesen oleh DVS. Kemudahan rumah sembelih ini telah memberi manfaat kepada 8 orang penternak daerah Kuala Terengganu yang secara tetap menggunakan kemudahan rumah sembelihan tersebut. Purata ternakan yang disembelih di rumah sembelih tersebut adalah diantara 60 - 100 ekor sebulan.

Tujuan beliau membina rumah sembelih ini adalah untuk membantu para penternak daerah Kuala Terengganu dan sekitarnya mengurangkan kos pengangkutan bagi sembelihan ternakan di tempat yang berdekatan di samping secara tidak langsung dapat membantu DVS memastikan ternakan disembelih di tempat yang sesuai, selamat dan bersih.

Pengurusan ternakan dan kandang yang teratur serta ternakan yang sihat menjadikan ladang ternakan Haji Ahmad Ramali sering dilawati oleh penternak. Beliau juga turut memberikan kerjasama yang baik sekiranya pihak jabatan ingin menggunakan ladang beliau untuk menjalankan kursus atau seminar. Semoga perniagaan Haji Ahmad Ramali akan terus berjaya dan menjadi sumber inspirasi kepada para penternak lain khususnya penternak muda.

4 MEI 2023



LAWATAN KERJA RASMI DATUK KSU KE NS DAIRY FARM

Lawatan kerja YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bersama YBrs. Dr. Akma Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar ke NS Dairy Farm yang terletak di Juasseh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada 4 Mei 2023.

Ladang tersebut antara lain mempunyai kandang lembu dan kambing, kilang pengeluaran susu segar dan berperisa, selain zoo mini.

Pemiliknya, YBhg. Dato' Mohd Nor Abdul Wahid, berkata ia berasaskan ladang ternakan tenusu serta mempunyai ciri-ciri yang terunggul untuk menarik minat pelancong mempelajari ternakan lembu tenusu malah anak syarikat NS Dairy Farm iaitu Juasseh Agro Park turut mendapat pengiktikrafan sebagai Ladang Agro Pelancongan oleh Tourism Malaysia.

NS Dairy Farm akan sentiasa berusaha secara intensif dan berterusan melalui sumber-sumber yang ada serta kaedah-kaedah bersesuaian untuk mengeluarkan susu, lembu daging dan lembu baka yang berkualiti, bertepatan mengikut keperluan semasa secara komersil.



8-10 MEI 2023

MESYUARAT PENILAIAN PROJEK KERINTANGAN ANTIMIKROB



Mesyuarat Pembukaan Lawatan Kumpulan Pakar ke Malaysia bagi Penilaian Projek Kerintangan Antimikrob (Antimicrobial Resistance Surveillance) telah diadakan pada 8 Mei hingga 10 Mei 2023 yang lalu.

Projek ini bertujuan untuk memantau Antimicrobial Resistance (AMR) iaitu indikator prevalen ESBL-Ecoli dan CPE melibatkan kesihatan manusia, rantai makanan dan alam sekitar di fasiliti-fasiliti yang telah ditentukan.

Lawatan ini melibatkan lokasi seperti di bawah:

1. Makmal Veterinar Zon Tengah, Salak Tinggi.
2. Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), Seri Kembangan.
3. Institute Medical Research, NIH.
4. Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan, Sungai Buloh.
5. Sungai Linggi.
6. Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban.
7. Klinik Kesihatan Seremban.

8 MEI 2023

MAJLIS PERASMIAN FRONTLINE FIELD EPIDEMIOLOGY TRAINING FOR VETERINARIANS IN MALAYSIA



8 Mei 2023: Majlis Perasmian Frontline Field Epidemiology Training for Veterinarians in Malaysia oleh YBrs. Dr. Akma Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar di Putrajaya.



10 MEI 2023

SESI TAKLIMAT KPPV KEPADA 37 AVO DAN 3 PO BAHARU

Sesi taklimat oleh YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar kepada seramai 37 orang Penolong Pegawai Veterinar dan 3 orang Pembantu Operasi yang telah melaporkan diri ke Jabatan Perkhidmatan Veterinar pada 10 Mei 2023.

Tahniah dan selamat datang ke Keluarga Veterinar!

12 MEI 2023

KPPV TERIMA KUNJUNGAN HORMAT KEDUTAAN IRELAND



Kunjungan hormat Kedutaan Ireland iaitu Madam Hilary Reilly, Duta Ireland dan Mr. Frank Bradley ke pejabat Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar pada 12 Mei 2023.

Kunjungan tersebut adalah bagi membincangkan tindakan susulan prosedur pengeksportan susulan pengiktirafan abatoir daging babi ke Malaysia, status penyakit haiwan serta pasaran produk Malaysia ke Ireland.

14 MEI 2023

LAWATAN KERJA DATUK KSU KE ROMPIN DAIRY FARM SDN BHD

14 Mei 2023: Sekitar Lawatan Kerja Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan ke Rompin Dairy Farm Sdn Bhd, Muadzam Shah, Pahang. Turut mengiringi lawatan ialah YBrs Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar dan Dr. Kamaliah binti Ghazali, Pengarah DVS Negeri Pahang.



16 MEI 2023



PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN DVS

Program Hari Bertemu Pelanggan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) Tahun 2023 yang telah dilaksanakan pada 16 Mei 2023 di ruang legar Dewan Serbaguna Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Menerusi program ini, orang awam boleh bertemu terus dengan para pegawai DVS bagi mendapatkan khidmat nasihat mengenai pensijilan, kebajikan haiwan, insentif & subsidi, import eksport dan juga mengenai Akta Makanan Haiwan.

22-26 MEI 2023

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA SIRI 1/2023

Seramai 50 pegawai kumpulan pelaksana jabatan sedang menghadiri Program Transformasi Minda (PTM) di Hotel Mercure, Selangor yang diadakan bermula 22 sehingga 26 Mei 2023.

PTM yang merupakan salah satu syarat pengesahan dalam perkhidmatan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil.4/2012 Program Transformasi Minda, juga diperkenalkan untuk memberi pendedahan dan menyesuaikan minda pegawai di peringkat awal pelantikan dalam perkhidmatan awam.

Diharap program ini memberi manfaat serta melahirkan penjawat awam yang berdedikasi sepanjang perkhidmatan.



29-30 MEI 2023

BENGGKEL PENYEDIAAN KAMUS KOMPETENSI FUNGSIAN (KKF) JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR



Bengkel anjuran bersama Bahagian Khidmat Pengurusan dan Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam ini diadakan pada 29 hingga 30 Mei 2023 selama 2 hari bertempat di Perpustakaan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Antara skim utama yang hadir pada bengkel kali ini ialah Pegawai Veterinar, Pegawai Penyelidik, Pegawai Penguatkuasa, Penolong Pegawai Veterinar, Penolong Pegawai Sains, Penolong Pegawai Penguatkuasa, Pembantu Makmal dan Pembantu Penguatkuasa.

TEMUDUGA CALON PELAJAR SIJIL VETERINAR MALAYSIA BAGI SESI 2023-2025

8-12 MEI 2023



Sesi temuduga calon pelajar Sijil Veterinar Malaysia (SVM) bagi pengambilan sesi 2023-2025 sedang berlangsung di Bahagian Pembangunan Modal Insan (BPMI), Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Putrajaya.

Temuduga ini telah dianjurkan selama 5 hari bermula 8 Mei 2023 (Isnin) hingga 12 Mei 2023 (Jumaat) dari 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Temuduga dibahagikan kepada 5 zon/ pusat temuduga, iaitu dimulai dengan Zon Utara yang telah dijalankan temuduga secara fizikal pada 8 Mei 2023 dan pusat temuduga adalah di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak.

Temuduga bagi Zon Selatan pula telah diadakan secara fizikal pada 9 Mei 2023 bertempat di Institut Veterinar Malaysia Kluang, Johor dan temuduga Zon Tengah telah pun berlangsung secara fizikal pada 10 Mei 2023 di BPMI Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia.

Sementara temuduga bagi Zon Sabah, Sarawak, Labuan diadakan menerusi atas talian di BPMI DVS pada 11 Mei 2023 manakala bagi Zon Timur pula, temuduga akan diadakan secara fizikal pada 12 Mei 2023 bertempat di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang.

MENGAPA PERLUNYA POLISI "STAMPING OUT"?

- POLISI 'STAMPING OUT' DIJALANKAN DISEBABKAN PENYAKIT ASF MASIH BELUM ADA UBAT ATAU VAKSIN YANG BERKESAN UNTUK MERAWAT TERNAKAN YANG DIJANGKITI ATAU MENCEGAH JANGKITAN VIRUS ASF KE ATAS TERNAKAN BABI
- IA BERPANDUKAN KEPADA PROTOKOL VETERINAR MALAYSIA (PVM) BAGI PENYAKIT ASF
- DIAMALKAN UNTUK MENGAWAL DAN MENCEGAH PEREBAKAN PENYAKIT ASF KE LADANG-LADANG LAIN
- SUPAYA VIRUS DAPAT 'DIBENDUNG' AGAR PENTERNAK DAPAT MENTERNAK SEMULA DENGAN SELAMAT, BABI BEBAS DARI PENYAKIT ASF DAN MENJAMIN BEKALAN DAGING BABI DALAM NEGARA



1 JUN 2023

THE 10th JOINT MALAYSIA - THAILAND



The 10th Joint Malaysia - Thailand Sub-Committee Meeting on Livestock Development bertempat di Adya Hotel, Langkawi.

17 JUN 2023



VETERINARY BUSINESS & ENTREPRENEURSHIP SYMPOSIUM 2023 (VBES)

"Challenges & Opportunities in Veterinary Business Industries in Malaysia"

17 Jun 2023 bertempat di Faculty of Veterinary Medicine, Universiti Malaysia Kelantan.

16 JUN 2023



PENGIKTIRAFAN "MOST HYBRID CATTLE GATHERING IN AN EVENT"

Lawatan rasmi YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar ke Laman Veterinar sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Kelantan (HPPNK) 2023 pada 16 Jun 2023 di Pantai Irama, Bachok, Kelantan.

Tahniah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan di atas Pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBOR) sebagai 'Most Hybrid Cattle Gathering in An Event' atas himpunan sebanyak 213 ekor lembu hybrid. Tahniah!

LAWATAN DKSU KE LADANG TERNAKAN LEMBU MILIK RAJA POP NEGARA

19 JUN 2023



Pada 19 Jun 2023, YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah mengadakan lawatan kerja ke Ladang Ternakan Lembu milik Raja Pop Negara, Dato' Jamal Abdillah yang terletak di Kerian, Perak.

Sebelum ini, Dato' Jamal Abdillah telah lama mengusahakan ternakan ikan arowana dan kini beliau mengorak langkah dengan menceburkan diri ke dalam bidang penternakan lembu pula.

Bagi menyahut seruan kerajaan dalam usaha memastikan keterjaminan makanan negara ditambah minat yang mendalam dalam bidang pertanian, Dato' Jamal berhasrat mengembangkan lagi bidang ternakan ini bagi memastikan keperluan makanan mencukupi. Beliau juga berhasrat untuk menternak kambing.

Turut hadir sama pada lawatan kali ini ialah Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, YBhg. Dato' Adnan bin Hussain, Ketua Pengarah Perikanan, Dr. Ahmad Shafri bin Hassan, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak.

Selamat Maju Jaya Dato' Jamal. Terus kan usaha!

22-25 JUN 2023



NS FEST 2023

YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (KPPV) sempat meluangkan masa melawat Laman Ternakan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan Dataran Nilai, Negeri Sembilan sempena NS Fest 2023. Turut mengiringi KPPV ialah Dr. Kamarulrizal Mat Isa, Pengarah DVS Negeri Sembilan dan Dr. Siti Zubaidah Zanal Abidin.



Terima kasih kepada YB Dato' Haji Bakri Sawir, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian Dan Industri Asas Tani dan YB Tuan Muhammad Faiz bin Fadzil, Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia di atas kehadiran semasa program Lelungan kambing yang berlangsung di Laman Ternakan. Sebanyak 5 ekor bebiri kacukan telah dilelong pada kadar harga serendah RM170 seekor.



KPPV juga turut melawat *booth* pameran agensi lain di bawah KPKM. Terima kasih Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Sembilan (LPPN9), Pejabat Perikanan Negeri Sembilan, LKIM Negeri Sembilan, FAMA Negeri Sembilan, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia - Negeri Sembilan / Melaka dan Jabatan Pertanian Negeri Sembilan atas kesudian dan keramahan menerima kehadiran KPPV melawat *booth* pameran.

NS Fest telah diadakan bermula 22 sehingga 25 Jun 2023 di Dataran Nilai.

INISIATIF BAGI MENANGANI KERINTANGAN ANTIMIKROB DALAM SEKTOR KESIHATAN HAIWAN

23 JUN 2023



YBrs. Dr. Rohaya binti Mohd Ali, Pengarah Kanan Bahagian Kesihatan Awam Veterinar menghadiri Sesi Libat Urus bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk membincangkan Inisiatif Bagi Menangani Kerintangan Antimikrob Dalam Sektor Kesihatan Haiwan pada 23 Jun 2023 yang lalu.

Hadir sama adalah Encik Haris Alimudin, Pegawai Tugas-Tugas Khas I Pejabat YBM KPKM, Encik Mohd Khairuzaki Paiman, Timbalan SUB (Ternakan) Bahagian Sekuriti Makanan KPKM serta para pegawai kanan Kementerian dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

23 JUN 2023

PERBINCANGAN BERSAMA PIHAK GLOBAL IKHWAN SERVICES & BUSINESS HOLDINGS



YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) hadir sama dalam sesi perbincangan bersama pihak Global Ikhwan Services & Business Holdings (GISBH) dan YB Senator (B) Datuk Dr. Ras Adiba Mohd Radzi pada 23 Jun 2023 bertempat di Ibu Pejabat DVS, Putrajaya.

Hadir sama, YBrs. Dr. Aida binti Muhid, Pengarah Kanan Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar, YBrs. Dr. Mohammad Razli bin Abdul Razak, Pengarah Bahagian Regulatori Veterinar dan YBrs. Dr. Abu Hassan Muhamad Ali, mantan pegawai kanan DVS.



KELANTAN KUASAI SEKTOR TERNAKAN LEMBU HIBRID

KELANTAN

KUASAI SEKTOR TERNAKAN LEMBU HIBRID

CECAH RM193 JUTA



Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob (tengah) melihat sebahagian lembu pedaging hibrid sempena Program Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Kelantan (HPPNK) di Pantai Irama, Bachok. - NSTP/NOR AMALINA ALIAS

BACHOK: Penternak di Kelantan menguasai ternakan lembu hibrid di Malaysia dengan nilai keseluruhan mencecah RM193 juta.

Mereka mewakili 94.7 peratus dengan Kelantan mempunyai 5,500 orang daripada sejumlah 5,807 penternak lembu hibrid di seluruh negara.

Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob, berkata Kelantan mempunyai 24,291 ekor lembu pedaging (hibrid) berkualiti. Katanya, jumlah itu mewakili 94.4 peratus daripada keseluruhan 25,711 lembu hibrid di Malaysia.

"Jumlah pengeluaran daging ialah 5,518.2 tan dengan 22 ladang pengeluar diiktiraf Jabatan Veterinar sebagai pengeluar daging hibrid NAIMbif.

"Angka ini mengagumkan dan tahniah diucapkan kepada penternak kita," katanya kepada media pada Program Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Kelantan (HPPNK) di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk HPPNK, Tuan Saripudin Tuan Ismail.

"Penternak di Kelantan lebih terkehadapan dalam bidang ternakan ini dan perlu dibantu pelbagai agensi bagi terus mempelopori pengeluar daging utama negara," katanya.

Beliau berkata, potensi lembu hibrid sangat luas dan masih baharu di negara ini. Kerajaan negeri memperuntukkan RM1.89 juta menerusi projek penternakan lembu pedaging hibrid Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan bagi kemasukan lembu pedaging di kawasan seluas 40 hektar di Ladang Rong Chenok, Ogos ini.

Selain ternakan, Ahmad berkata, Kelantan turut mencatat peningkatan sektor pertanian dengan nilai tambah RM5.9 bilion pada 2021.

Sementara itu, HPPNK mencatat sejarah dalam Malaysia Book of Records (MBOR) menerusi himpunan terbesar lembu hibrid berkualiti dengan mengumpul 213 lembu baka Charolais, Limousin, Belgian Blue dan Blonde.

Semua lembu berkenaan dianggar bernilai RM2.4 juta membabitkan 113 penternak hibrid di Kelantan. Sijil disampaikan wakil MBOR, Mohamad Nazrul Hafizi Ahmad Fauzi kepada Ahmad.

HPPNK berlangsung lima hari bermula semalam hingga Ahad ini, bertemakan 'Teknologi Tani Memacu Keterjaminan Makanan' dengan pembabitan 200 pempamer daripada pelbagai agensi dan penternak, nelayan serta petani.

Kredit : BH Online

PEMBERIAN SUBSIDI DAN KAWALAN HARGA AYAM SERTA TELUR AKAN DITERUSKAN

PUTRAJAYA: Pemberian subsidi dan kawalan harga ayam serta telur akan diteruskan selepas mendapat persetujuan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut kenyataan bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Perdana Menteri bersetuju dengan cadangan KPKM dan KPDN supaya pemberian subsidi dan kawalan harga ayam dan telur diteruskan mulai awal bulan depan.

"Keputusan itu dibuat selepas mengambil kira semua aspek termasuk memastikan industri ayam dan telur kekal mampan dan kebajikan rakyat terus terbela," katanya hari ini.

Sebelum ini, mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Februari lalu membuat keputusan untuk meneruskan pemberian subsidi ayam dan telur bermula 1 Januari hingga 30 Jun ini.

Justeru, keputusan untuk meneruskan pemberian subsidi diambil demi memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara selaras dengan aspirasi Kerajaan Malaysia MADANI.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, sebelum ini mengumumkan bahawa bermula 1 Julai ini, harga ayam dan telur tidak lagi disubsidi, sebaliknya akan diapungkan.

Penamatan itu adalah membolehkan kementerian menilai serta mengawal harga barangan sama ada naik atau turun, berbanding harga siling runcit ketika ini.

Bagi memastikan bekalan ayam dan telur dapat distabilkan selepas subsidi berakhir, kementerian melaksanakan mekanisme bertahap, antaranya memansuhkan sekatan eksport ayam pedaging hidup, ayam bulat, dan keratan ayam sepenuhnya.

Kerajaan juga akan membenarkan import ayam dari negara yang diiktiraf seperti Thailand, China, Brazil dan Denmark, manakala import telur dibenarkan dari Thailand dan Ukraine.

Pada masa ini, harga siling runcit bagi ayam standard di Semenanjung adalah RM9.40 sekilogram, manakala harga siling bagi telur adalah 45 sen bagi gred A, 43 sen bagi gred B dan 41 sen bagi gred C.

Laporan BH hari ini memetik nota penyelidikan MIDF Research yang menjangkakan harga telur berpotensi meningkat dalam masa terdekat berikutan bekalan sumber makanan itu yang terhad di Malaysia.


Penganalisisnya, Genevieve Ng Pei Fen, berkata selain bekalan terhad di peringkat domestik, penularan wabak selesema burung global juga menyebabkan bekalan telur di negara lain berkurangan, sekali gus memungkinan harga telur import menjadi lebih mahal di negara ini. Jelas Pei Fen, pada April lalu, harga purata bagi ayam adalah RM10.45 sekilogram, manakala harga telur gred A adalah 47 sen sebiji, gred B (45 sen sebiji) dan gred C (44 sen sebiji).

"Kami percaya bahawa pengapungan harga ayam tidak akan menyebabkan kenaikan mendadak selepas kawalan harga ditamatkan, namun harga telur mungkin meningkat disebabkan bekalan yang terhad di peringkat domestik dan antarabangsa," katanya. Pei Fen berkata, MIDF Research percaya penamatan kawalan harga ayam dan telur selepas Julai ini akan membolehkan penternak mempunyai lebih banyak fleksibiliti harga untuk memindahkan kos input lebih tinggi kepada pengguna, sekali gus meningkatkan margin keuntungan.

Sementara itu, katanya, penurunan harga hadapan bagi kacang soya sebanyak 1.8 peratus dan jagung (29.4 peratus) berbanding setahun lalu, akan memberikan sedikit kelegaan kepada tekanan kos syarikat penternakan, sekali gus membantu mengimbangi kenaikan kos buruh dan elektrik.

Beliau menambah, perubahan itu juga akan membolehkan kuasa pasaran menentukan harga berdasarkan keadaan bekalan dan permintaan.

Sumber: Berita Harian





28 JUN 2023

CHAROLAIS UNTUK KORBAN



Penternak, Nik Samsuliskandar Nik Nizam, 28, (kanan) bersama adiknya Nik Mohd Sulaiman Nik Nizam, 24, memandikan lembu sado jenis Charolais yang dibela sejak



kecil untuk dikorbankan sempena Hari Raya Aidiladha ketika tinjauan di Kampung Banggol Durian, Kuala Terengganu pada 28 Jun 2023.

Adik-beradik itu teruja dapat mengorbankan seekor lembu seberat 960 kilogram itu untuk berkongsi rezeki dengan penduduk.

Kredit: Mohd Syafiq Ambak | BERNAMA

Penganiayaan Haiwan

Akta 772 iaitu Akta Kebajikan Haiwan 2015 memperuntukkan beberapa seksyen khusus bagi kesalah-kesalahan penganiayaan terhadap haiwan contohnya, dengan kejamnya memukul, menyepak, mendera atau mencacatkan mana-mana haiwan dengan apa-apa cara.

Tafsiran haiwan di bawah Akta 772 bererti apa-apa makhluk hidup selain manusia termasuklah apa-apa haiwan, burung, haiwan akuatik, reptilia atau serangga tetapi tidak termasuk hidupan liar di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716].

"Bintang juga ada perasaan" - Warga emas pukul anjing guna kayu didenda RM23000

Warga emas didenda RM30,000 abai anjing peliharaan hingga mati

29 lelaki kena denda RM500,000

Lapan lelaki laka sabung ayam dicekup

Seksyen 29 (penganiayaan haiwan)
Seksyen 30 (pembunuhan haiwan dengan merembak haiwan dengan senjata api tanpa kebenaran pihak berkuasa Veterinar)
Seksyen 31 (pemberian racun)
Seksyen 32 (pelagaan haiwan)

JIKA DIDAPATI BERSALAH...
Boleh didenda tidak kurang daripada RM20,000 dan/atau tidak lebih daripada RM100,000 atau dipenjarakan tidak lebih 3 tahun atau kedua-duanya.

Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772)

Larangan membawa masuk PRODUK BABI ke Malaysia

- Tidak dibenarkan mengimport ternakan babi dan produk babi dari negara yang dijangkiti.
Negara mana dijangkiti?
> <https://www.fao.org/animal-health/situation-updates/asf-in-asia-pacific/en>
- Dilarang membawa masuk makanan berasaskan daging babi (terutama melalui lapangan terbang) dari negara yang terjangkiti.
Sekiranya tidak sengaja terbawa, sila isytihar dan serahkan kepada MAQIS.
- Jangan membenarkan makan sisa makanan manusia kepada babi.

Pertanyaan/eduan, sila hubungi JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA: 03-8870 2000 | www.dva.gov.my

TAK KEKOK JAGA 1,000 EKOR LEMBU

KOTA BHARU: Seorang gadis tidak kekok menjaga 1,000 ekor lembu yang diternak bapanya untuk dijual kepada pelanggan bagi ibadah korban.

Norfarisya Azhar, 18, beranggapan status jantinya tidak boleh dijadikan penghalang terlibat dalam bidang ternakan meskipun pekerjaan itu dipelopori lelaki.

Menurutnya, dia meminati bidang ternakan lembu sejak berusia 11 tahun dan membantu bapa, Azhar Che Abdullah, 53, bersama tiga pekerja menjaga 1,000 ekor lembu baka Brahman dan kampung.

"Setakat ini 800 ekor lembu sudah habis terjual untuk ibadah korban. Baki 200 ekor lembu lagi mungkin mempunyai pemilik baharu menjelang Aidiladha tidak lama lagi.

"Lembu-lembu di sini kebanyakannya mudah diuruskan. Saya boleh menjinakkan lembu terutamanya baka Brahman sehingga ia boleh ditunggang seperti kuda," katanya ketika ditemui pemberita di Kampung Kemumin, Sabak di sini.

Norfarisya memberitahu, pengalaman mengikuti bapanya dalam menternak lembu menjadikan dia tidak kekok malah tahu segala aspek dalam penternakan haiwan tersebut.

Menurutnya, dia akan memandikan lembu, memberi makan, memotong rumput dan memberi dedak kepada setiap haiwan ternakan di ladang milik bapanya itu.



"Dengan semua ilmu yang dipelajari, ayah telah memberi kepercayaan kepada saya untuk menjaga ladang lembu di kawasan seluas 4.8 hektar ini.

"Sepanjang menjadi penternak, saya pernah mengalami kecederaan termasuk patah jari dan ditanduk lembu yang baharu sampai ke kandang ini. Alhamdulillah, kini saya boleh menjinakkan lembu liar dengan bacaan doa bagi mengelak ditanduk atau ditendang haiwan terbabit," katanya.

Norfarisya berkata, dia yang kini turut belajar agama di sebuah pondok di Wakaf Bharu, Tumpat ketika ini bercita-cita untuk menjadi penternak yang berjaya pada masa akan datang.

Kredit: Utusan Malaysia

APA ITU PERMIT SEMBELIHAN LUAR (PSL) ?

Ia merupakan permit untuk menyembelih binatang di luar rumah penyembelihan yang diluluskan. Tindakan penalti boleh diambil sekiranya membuat penyembelihan luar tanpa permit.



PERMIT SEMBELIHAN LUAR (PSL)

Permohonan bagi permit untuk menyembelih binatang di luar Rumah Penyembelihan yang diluluskan atau rumah penyembelihan dilesenkan.

- APTVM: Kebenaran Sembelih

Tujuan Permit?

Memastikan daging bersih dan selamat dimakan.

Bila permohonan permit boleh dibuat?

Dua (2) minggu sebelum Hari Raya Aidiladha sehingga 13 Zulhijjah 1444H.

Dimanakah sembelihan luar yang dibenarkan?

- Surau/Masjid
- Balai raya/tempat lapang
- Tempat sembelihan dengan sistem saliran yang baik, mempunyai kelengkapan dan kemudahan berkaitan penyembelihan

Di mana permohonan permit boleh dibuat?

Pihak Berkuasa Veterinar samada di DVS Negeri atau PPVD atau Rumah Sembelih Jabatan yang berdekatan.

Tidak dibenarkan:

- Tempat permainan kanak-kanak
- Kawasan perumahan

Tindakan ke atas mana-mana pihak yang melakukan penyembelihan tanpa permit?

PSL atau permit untuk menyembelih di luar rumah penyembelihan dilesenkan dan diperuntukkan dalam undang-undang, Kaedah-Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009 di bawah Akta Binatang 1953. **Tindakan penalti boleh dikenakan kepada mana-mana individu/kumpulan yang didapati membuat penyembelihan luar tanpa permit.**





BILIK GERAKAN BENCANA

Jabatan Perkhidmatan Veterinar



WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

 **03 - 8870 2404**



PERLIS

 **04 - 979 2600 / 04 - 976 4531**



KEDAH

 **04 - 720 5200 / 04 - 720 7424 / 04 - 720 7430**



PULAU PINANG

 **013 - 445 3402**



PERAK

 **05 - 545 9111 / 05 - 545 9122 / 05 - 545 9133**



SELANGOR

 **016 - 503 3900**



NEGERI SEMBILAN

 **019 - 703 4223**



MELAKA

 **017 - 262 3375 / 012 - 698 9894**



JOHOR

 **07 - 244 5944 / 07 - 244 2712**



TERENGGANU

 **019 - 989 2498**




PAHANG

 **09 - 513 2213**



KELANTAN

 **019 - 982 3501**



WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

 **03 - 9284 9716 / 03 - 9284 9718**



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan,
Blok Podium, Lot 4G1,
Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62624 Putrajaya

Tel: (603) 8870 2000
Faks: (603) 8888 6021
Email: pro[at]dvs.gov.my